

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PLG 319 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan I

Masa : [2 jam]

Jawab (TIGA) 3 soalan sahaja. Soalan 1 MESTI dijawab.

1. Berdasarkan pendekatan jurnal berbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan. Di bawah ini direkodkan catatan permulaan Halim memulakan perniagaan seperti berikut:

	RM
Tunai di tangan	500
Tunai di bank	3,000
Kereta	5,000
Kelengkapan Pejabat	2,700
Stok	800
Penghutang - Simon	400
Pembiutang - James	550

- a) Cadangkan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang anda laksanakan untuk mengeposkan catatan-catatan ini daripada Jurnal Am kepada lejar-lejar yang berkenaan.

[20 markah]

- b) Bincangkan kriteria-kriteria yang diambil kira semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa, sesuai dengan kehendak KBSM.

[20 markah]

2. Sifat-sifat serta ciri-ciri usahawan yang berjaya perlu sentiasa diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Perdagangan dan Perakaunan. Dengan mengemukakan contoh-contoh, bincangkan penerapan nilai usahawan yang berjaya diterapkan ke dalam Pengajaran dan Pembelajaran Perdagangan dan Perakaunan.

[30 markah]

...2/-

- 2 -

3. Permulaan guru mengajar/memperkenalkan mata pelajaran Perdagangan dan Perakaunan ini adalah sesuatu yang penting diambil perhatian dan dilaksanakan agar ianya memberi kesan yang positif kepada murid-murid anda. Bincangkan.

[30 markah]

4. a) Didapati sebilangan besar murid-murid perdagangan tidak suka menyampaikan ataupun menjawab soalan. Mengapakah keadaan seperti ini wujud. Cadangkan langkah yang wajar diambil untuk mengatasi perkara ini.

[15 markah]

- b) Berdasarkan tajuk-tajuk tetentu dalam mata pelajaran perdagangan nyatakan teknik-teknik menyampaikan yang sesuai dilaksanakan.

[15 markah]

- oooOooo -